



Buletin

PDTHS

PEJABAT DAERAH / TANAH HULU SELANGOR

MAJLIS IHYA RAMADAN

BERSAMA
DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN SELANGOR

Penyerahan **BUBUR LAMBUK**

Kepada Kakitangan Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor



MUKA SURAT

5

Sambutan **RUMAH TERBUKA**

Sempena Hari Raya Aidilfitri



MUKA SURAT

6

Pesta **"JOM MAKAN BUAH"**



MUKA SURAT

7


SIDANG REDAKSI:

PENAUNG
TUAN MOHD FAUZI BIN MOHD YATIM
mohdfaizi@selangor.gov.my

PENASIHAT
PN. DEWI DIRWANA BINTI MUNASIR
dewidirwana@selangor.gov.my

EDITOR
PN. NOR HAZWANI BINTI MOHD RAZALI
hazwanirazali@selangor.gov.my

SIDANG EDITOR:
PN. ZARIFAH BINTI MUHAMAD ZAINAL
EN. MUHAMMAD HAFIZ BIN MUSTAFA KAMAL



ISI KANDUNGAN

PROGRAM CERAMAH INTEGRITI PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR	3	KURSUS INTEGRITI PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR	8
MAJLIS IHYA RAMADAN BERSAMA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR	4	MAJLIS PERASMIAN PROJEK PEMULIHARAAN BANGUNAN BERSEJARAH KUARTES PINTU SEPULUH DAN PINTU ENAM JALAN SYED MASHOR KUALA KUBU BHARU	9
PERSIAPAN PENYEDIAAN & PENYERAHAN BUBUR LAMBUK KEPADA KAKITANGAN PDTHS 2018	5	PERHIMPUNAN PAGI SIRI 2 /2018 DAN MAJLIS PELANCARAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)	10
KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 2018	5	SENARAI PENERIMA PEKERJA CONTOH	12
SAMBUTAN RUMAH TERBUKA SEMPENA HARI RAYA AIDIL FITRI	6	DIREKTORI PEGAWAI PDTHS	13
MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN QURAN HOUR 2018	7		
PESTA MAKAN BUAH-BUAHAN TEMPATAN "JOM MAKAN BUAH"	7		

www.
selangor.gov.my
huluselangor.php

PEJABAT DAERAH / TANAH HULU SELANGOR
Jalan Bukit Kerajaan, 44000 Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-60641026 | Faks : 03-60641160
Email : pdhs@selangor.gov.my

<https://twitter.com/pdths>
<https://www.facebook.com/pdt.huluselangor.5>

Program

CERAMAH INTEGRITI

Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor



"Integriti Dalam Islam"

25 Mei 2018, Bilik Mesyuarat Seri Kubu

Program ini telah diadakan oleh anjuran Unit Integriti, Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor. Tujuan utama program ini diadakan bagi menerapkan nilai integriti dalam kehidupan dan pekerjaan sehari-hari kita sebagai penjawat awam.

Ceramah ini telah disampaikan oleh Ustaz Wan Mohammad Noor Bin Wan Ali, Pensyarah Tasmik, dari Darul Quran.



Majlis Berbuka Puasa **D.Y.M.M SULTAN SELANGOR** Bersama Rakyat Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya Berserta Perasmian Masjid Tahun 1439H/ 2018M Peringkat Daerah Hulu Selangor



D.Y.M.M Sultan Selangor telah berkenan mencemar Duli berangkat hadir ke Majlis Berbuka Puasa D.Y.M.M Sultan Selangor Bersama Rakyat Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya Berserta Perasmian Masjid di Masjid Ar Rahmah, Kampung Sungai Buaya pada 28 Mei 2018M / 12 Ramadhan 1439H.

DYMM Sultan Selangor telah sudi berkenan menyampaikan bantuan zakat kepada 500 fakir miskin dan saudara baru kariah Hulu Selangor di Majlis Berbuka Puasa D.Y.M.M. Sultan Selangor Bersama Rakyat di Masjid Ar Rahmah, Kampung Sungai Buaya

Kesemuannya menerima sumbangan berupa wang tunai RM300 untuk golongan fakir miskin dan mualaf sempena menyambut Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri.

D.Y.M.M telah berkenan menyampaikan lafaz perasmian dan menyempurnakan upacara perasmian masjid. Baginda telah meluangkan masa sehingga selesai Solat Tarawih dan Solat Witir. Baginda berangkat pulang selepas menikmati Jamuan Moreh iaitu lebih kurang jam 11.00 malam.

Persiapan Penyediaan & Penyerahan **BUBUR LAMBUK** Kepada Kakitangan PDTHS 2018

5 Jun : Kelab Sukan dan Kebajikan Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor telah mengadakan program Persiapan Penyediaan dan Penyerahan Bubur Lambuk kepada Kakitangan PDTHS 2018. Program ini telah diadakan di Dataran Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor. Objektif program ini diadakan bagi mengisi masa di Bulan Ramadan serta dapat mengeratkan silaturrahim antara pegawai dan kakitangan.



Kempen **KESELAMATAN JALAN RAYA** Sempena Hari Raya Aidilfitri 2018

Bukit Beruntung : MKJR Daerah Hulu Selangor telah mengadakan Kempen Keselamatan Jalan Raya Sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri Bagi Daerah Hulu Selangor Tahun 2018 pada 12 Jun 2018 bertempat di Plaza Tol Bukit Beruntung.

Program yang bermula jam 02:30 petang telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Tuan Pegawai Daerah Hulu Selangor, Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim S.M.S. Program ini juga turut dihadiri oleh Yang Dimuliakan Engku Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor, Raja Muzaffar bin Raja Redzwa Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor, Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Ahli Parlimen Hulu Selangor, ADUN Batang Kali dan jabatan kerajaan MKJR Daerah Hulu Selangor serta agensi-agensi lain yang terlibat.

Ucapan amanat keselamatan telah disampaikan oleh Pemangku Ketua Zon 6, Balai Bomba dan Penyelamat Daerah Hulu Selangor. Kelainan kempen pada kali ini adalah dengan mengadakan flash mob bagi memberi kesedaran dan

peringatan kepada setiap pengguna jalan raya supaya sentiasa berhati-hati serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Program diakhiri dengan agihan goodies kepada pengguna jalan raya yang melalui plaza tol berkenaan yang disampaikan oleh Yang Berusaha Tuan Pegawai Daerah Hulu Selangor sendiri dan juga Ketua-ketua Jabatan yang terlibat.



Sambutan **RUMAH TERBUKA** Sempena Hari Raya Aidil Fitri

10 Julai 2018 : Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2018, Pejabat Daerah / Tanah Hulu Selangor telah mengadakan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di Dewan Serbaguna & Kompleks Sukan Daerah Hulu Selangor. Rumah Terbuka ini bukan sahaja untuk warga kerja PDTHS dan ahli keluarga bahkan turut dimeriahkan dengan kehadiran para jemputan.



Sambutan majlis didahului dengan bacaan doa selamat dan disusuli dengan ucapan Hari Raya daripada Yang Berusaha Tuan Pegawai Daerah Hulu Selangor, Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim.

Pelbagai juadah dan hidangan hari raya disajikan untuk semua. Majlis dimeriahkan lagi dengan pertandingan geraі tercantik mengikut unit / bahagian. Turut dipertandingkan adalah pakaian glam raya bagi kategori lelaki dan wanita.



Majlis **KHATAM AL-QURAN** Dan Quran Hour 2018



7 Jun 2018 :

Agenda Program :-

- Khatam Al-Quran
- Solat Sunat Dhuha, Taubat dan Hajat
- Tazkirah
- Penyerahan Cenderahati



Pesta Makan Buah-Buahan Tempatan **“Jom Makan Buah”**

26 Julai 2018 : Kelab Sukan Dan Kebajikan Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor telah mengadakan satu program jom makan buah sempena Pesta Makan Buah-Buahan Tempatan untuk seluruh warga kerja Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor (PDTHS).

Program tersebut yang bermula jam 2:00 sehingga 5:00 petang itu telah dirasmikan oleh Tuan Pegawai Daerah/Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim dengan acara membuka sebiji buah durian di Dewan Serbaguna & Kompleks Sukan Daerah Hulu Selangor. Turut hadir memeriahkan program tersebut adalah Yang Dimuliakan Engku Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor, Yang Mulia Raja Muzaffar bin Raja Redzwa.

Program tersebut dimeriahkan lagi dengan pertandingan kopek buah durian dan gubahan buah-buahan.

Program yang julung-julung kalinya diadakan ini adalah untuk seluruh warga kerja PDTHS merasai nikmat buah-buahan tempatan dengan keunikan rasanya yang tersendiri. Selain daripada buah durian, seluruh warga kerja PDTHS juga dijamu dengan buah manggis, rambutan, langsat dan buah mata kucing serta jamuan ringan.



Kursus **INTEGRITI**

Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor

Pada 17 hingga 19 Julai 2018 telah diadakan Kursus Integriti kepada 40 orang yang terdiri daripada Pegawai/Kakitangan PDTHS. Kursus ini adalah salah satu Sasaran Kerja Tahunan Unit Integriti bagi memberi pendedahan kepada pentingnya integriti dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam.

Tentatif Kursus adalah seperti berikut :-

MASA TARIKH	8.30 PG – 9.00 PG	9.00 PG – 10.30 PG	10.30 PG – 11.00 PG	11.00 PG – 1.00 TGH	1.00 TGH – 2.30 PTG	2.30 PTG – 4.30 PTG	4.30 PTG – 5.00 PTG
HARI PERTAMA (17.7.2018) SELASA	SLOT 1 : INTEGRITI DALAM ISLAM PENCERAMAH : EN. MOHAMAD RAHIM B.ABDUL RAHMAN (DQ)	MINUM PAGI	REHAT	SLOT 2 : PENGURUSAN STRESS PENCERAMAH : EN.RINATO (BPSM SUK)	MAKAN TENGAHARI	SLOT 3 : PENGENALAN DAN LANGKAH PENCEGAHAN RASUAH PENCERAMAH : EN. AHMAD NURI BIN MUDA (SPRM)	MINUM PETANG
HARI KEDUA (18.7.2018) RABU	SLOT 4 : INTEGRITI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN PENCERAMAH : EN. MUHAMMAD FAIZAL BIN ABDUL RASHID (JAB AUDIT SEL)			SLOT 5 : AMALAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS TERBAIK PENCERAMAH : PUAN HJH S. NORMALIS BINTI ABD SAMAD (PKNS)			BERSURAI



Majlis Perasmian Projek Pemuliharaan **BANGUNAN BERSEJARAH** Kuartes Pintu Sepuluh Dan Pintu Enam Jalan Syed Mashor Kuala Kubu Bharu

Majlis Perasmian Projek Pemuliharaan Bangunan Bersejarah Kuartes Pintu Sepuluh Dan Pintu Enam Jalan Syed Mashor Kuala Kubu Bharu telah berlangsung pada 07 Ogos 2018 bertempat di Kuartes Pintu Sepuluh Jalan Syed Mashor Kuala Kubu Bharu.

Yang Berusaha Tuan Pegawai Daerah Hulu Selangor, Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim telah menandatangani plak perasmian dan acara memotong riben sebagai gimik perasmian tersebut. Majlis perasmian turut dihadiri oleh Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Jurutera Daerah, Majlis Daerah Hulu Selangor dan beberapa jabatan lain yang terlibat.

Perasmian ini diteruskan dengan lawatan ke rumah kuartes yang masih belum didiami bagi melihat hasil pemuliharaan yang telah dilaksanakan seterusnya lawatan ke dua (2) buah rumah yang telah didiami oleh kakitangan PDTHS. Hasil pemuliharaan ini memberi impak yang besar dengan menawarkan lebih keselesaan kepada para penghuni kuartes.



Perhimpunan Pagi Siri 2 /2018 Dan **MAJLIS PELANCARAN** Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

7 Ogos 2018 | Dewan Serbaguna Dan Kompleks Sukan Daerah Hulu Selangor

Perhimpunan Siri 2/2018 telah dihoskan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan. Perhimpunan ini telah diadakan seperti program berikut:-

1. PEKERJA CONTOH BULANAN

Tahniah kepada penerima Pekerja Contoh bagi bulan Januari, Februari, Mac, April, Mei, dan Jun. Majlis ini turut meraikan Pegawai/Kakitangan yang lahir pada Bulan Februari sehingga Ogos, majlis penyampaian hadiah bagi Pertandingan Kopek Buah Durian dan Gubahan Buah-buahan tempatan.

2. PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN KOPEK BUAH DURIAN

Lelaki

1. En.Abd Latif Bin Mat Jamin (Unit Hasil)
2. En.Azizan Bin Mat Hashim (Penguatkuasaan)
3. Abd Rahim Bin Jantan (Teknikal)

Wanita

1. Pn.Roshanira Binti Abdullah (Hasil)
- 2.Siti Mashitah Binti Arshad(Pendaftaran)
3. Siti Rafeah Binti Khadiron (Unit Tanah)



3. PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN GUBAHAN BUAH- BUAHAN

Johan : Bahagian Khidmat Pengurusan
Naib Johan : Unit Pendaftaran
Tempat Ke-3 :Unit Tanah



4. MAJLIS PELANCARAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Majlis Pelancaran Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Pejabat Daerah / Tanah Hulu Selangor yang telah dilancarkan oleh Tuan Pegawai Daerah Hulu Selangor, Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim.



5. PENYAMPAIAN PEMENANG PENCINTA LOGO EKSA

Pn. Siti Rohani Binti Baharuddin
Unit Aset dan Perolehan

BULATAN ANAK PANAH

Membawa maksud gabungan warga kerja yang sentiasa bersatu padu.



HIJAU

Membawa maksud pemeliharaan alam sekitar.



GAMBAR BANGUNAN PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR

Membawa maksud kepelbagaian unit yang ada di pentadbiran ini untuk memberi khidmat terbaik kepada masyarakat.

DAUN DAN BUNGA

Membawa maksud pemikiran kreatif dan inovatif warga kerja yang sentiasa bercambah dan berkembang.



Senarai Penerima
PEKERJA CONTOH



Januari

PN.NURSALWANI BINTI SHAFIN
PEMBANTU TADBIR P/O N19
Unit Pembangunan Masyarakat



Februari

PN.NORSAMSILAH BINTI MOHAMAD YUSOFF
PEMBANTU TADBIR P/O N19
Unit Pentadbiran



mac

PN.LAILY BINTI BUSTAMI@BISTAM
PEMBANTU TADBIR P/O N22
Bahagian Pembangunan

12



mei

EN.MOHD YAZID BIN RAZUAN@RIDZUAN
PEMBANTU AWAM H11
Unit Pentadbiran



April

PN.NOR LIYANA FITRI BINTI MOHD HASNAN
PEMBANTU TADBIR P/O N19
Unit Pelupusan Tanah



Dun

PN.SITI BAIZURA BINTI NASRUDIN
PENOLONG AKAUNTAN (KUP) W29
Unit Hasil

Direktori Pegawai PDTHS

SENARAI DIREKTORI PEGAWAI PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR

NAMA	JAWATAN	BAHAGIAN/UNIT	TELEFON	EMAIL contoh: Ali.ahmad@selangor.gov.my
Tuan Mohd Fauzi Bin Mohd Yatim	Pegawai Daerah (M54)	Pejabat Pegawai Daerah	301	mohdfaizi
Pn. Noorsitah Bt Sani	Pen. Peg. Undang - Undang (L29)	Pendaftaran	208	sitah
En. Zulkifli Bin Zakaria	Pembantu Tadbir Tertinggi N26	Integriti	489	zulkifli.z
Bahagian Khidmat Pengurusan				
Pn. Dewi Dirwana Binti Munasir	Ketua Penolong Pegawai Daerah (M48)		435	dewidirwana
En. Wan Mohd Ariff Bin Wan Hussin	Pen. Pegawai Tadbir (N36)	Pentadbiran dan Kewangan	411	mohdariff
Cik Nor Azizah Binti Sarjo	Pen. Pegawai Tadbir (N32)	Majlis Keraian	413	azizah
Pn. Nor Hazwani Bt Mohd Razali	Pen. Pegawai Teknologi Maklumat (FA29)	ICT	434	hazwanirazali
Pn. Nurul Ain Bt Ismail	Pen. Akauntan (WA29)	Kewangan	436	ainismail
Pn. Norhaslinda Binti Mohd Rozali	Pen. Pegawai Tadbir (N29)	Aset dan Perolehan	419	lindarozali
Bahagian Pengurusan Tanah				
Kosong	Ketua Penolong Pegawai Daerah (T) (M52)		302	
En. Kamil Hafidh Bin Halim	Pen. Peg. Daerah (M44)	Pendaftaran	207	kamil.hafidh
En. Azizuddin Bin Hashim	Pen. Peg. Daerah (M44)	Pembangunan Tanah	303	azizuddin
En. Muhammad Azlan Bin Basaruddin	Pen. Peg. Daerah (N41)	Hasil	102	azlan.basaruddin
Pn. Nurul Ain Binti Mat Mesri	Pen. Peg. Daerah (N41)	Pelupusan Tanah 1	312	ain.mesri
En. Azizan Bin Mat Hashim	Pen. Peg. Daerah (M44)	Penguatkuasaan	423	azizan.hashim
Pn. Siti Aminah Binti Jamadi	Pen. Peg. Daerah (M41)	Pelupusan Tanah 2	304	aminah.jamadi
En. Abdul Rahim Bin Jantan	Pen. Peg. Tanah (NT32)	Teknikal	123	rahim.jantan
Pn. Khairunida Bt Khairudin	Pen. Pegawai Teknologi Maklumat (FA29)	Pendaftaran	209	khairunida

SENARAI DIREKTORI PEGAWAI PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR (sambungan)


Kosong	Pen. Peg. Tadbir (N29)	Pendaftaran	200	
Pn. Nazura Bt Ramli	Pen. Peg. Tadbir (N29)	Pendaftaran	210	nazura
Pn. Roshanira Bt Abdullah	Pen Akauntan (Hasil) (WA29)	Hasil	107	roshanira
Bahagian Pembangunan				
Pn. Noruyuni Hamdi Bt Ahmad@Mahdi	Ketua Penolong Pegawai Daerah (M48)	Plb	430	noruyuni
Pn. Norhazuwanti Binti Kamaruzaman	Pen. Pegawai Daerah (M44)	Pembangunan Masyarakat	424	norhazuwanti
Pn. Lailatul Taufiqah Bt Abdul Rahman	Pen. Pegawai Daerah (M41)	Pembangunan Fizikal	424	lailatul
Pn. Norsaleha Bt Abdul Aziz	Pen. Jurutera (JA29)	Pembangunan Fizikal	431	norsaleha
En. Tauran Bin Abdul Hamid	Penghulu	Mukim Batang Kali		rashid
En. Rusmi Bin Minhat	Penghulu	Mukim Serendah		rusmiminhat
En. Airudin Bin Saranor@Sargenna	Penghulu	Mukim Kuala Kubu Bharu	60643380	airudin
En. Ahmad Nazri Bin Ibrahim	Penghulu	Mukim Hulu Yam	60753910	nazri
En. Muhammad Nabil Bin Salehat	Penghulu	Mukim Kerling		nabilsalehat
En. Mohammad Bin Jamali	Penghulu	Mukim Hulu Bernam Selatan	05-4583305	mohammad.jamil
En. Mohamed Jamil Bin Abu Bakar	Penghulu	Mukim Hulu Bernam Utara	05-4541097	mjamil
En. Mohammad Zaim Bin Mohaimin	Penghulu	Mukim Kalumpang	60491511	zaim

Autograf

Edisi APRIL - JUN 2018
Bil.2

15

Buletin PDTHS
PEJABAT DAERAH / TANAH
HULU SELANGOR



PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR

44000 Jalan Bukit Kerajaan, Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-60641026 | Faks : 03-60641160
Email : pdhs@selangor.gov.my

selangor^{ku}